



جورنال التراث  
**AL-TURATH**  
Journal of al-Quran and al-Sunnah

## AL-TURATH: JOURNAL OF AL-QURAN AND AL-SUNNAH

VOLUME 8 ISSUE 2 2023

E-ISSN 0128-0899



INDEXED BY MYJURNAL

HOMEPAGE:

<https://spaj.ukm.my/jalturath/index.php/jalturath/index>


### Copyright Information:

This article is open access and is distributed under the terms of Creative Commons Attribution 4.0 International License.

### Publisher Information:

Research Centre for al-Quran and al-Sunnah  
Faculty of Islamic Studies  
The National University Of Malaysia  
43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia  
Tel: +60 3 8921 4405 | Fax: +60 3 8921 3017  
Email: alturathjournal@gmail.com

Journal QR Code :



# PERSPEKTIF PSIKOSPIRITUAL ISLAM TERHADAP MASALAH SPIRITUAL REMAJA BERISIKO

**Nurul Shuhadah Md Yahya & Mohd Manawi Mohd Akib**  
Pusat Kajian al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam,  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
*nurulshuhadahmd@gmail.com*

---

## Article history

Received:  
30/09/2023

Received in revised:  
23/11/2023

Accepted:  
18/12/2023

Published online:  
27/12/2023

## Abstrak

Remaja berisiko dikenali sebagai mereka yang bertingkah laku dan melakukan perbuatan yang melanggar undang-undang, peraturan atau norma masyarakat bermula daripada kesalahan ringan seperti ponteng sekolah, merokok, buli dan sebagainya yang akhirnya mendatangkan kemudaratan kepada komuniti dan persekitaran. Sekiranya tidak dibendung, perkara ini akan menjadi suatu kebiasaan dan akhirnya akan mencetuskan jenayah yang lebih berat seperti merompak, penyalahgunaan dadah, seks bebas, pornografi dan sebagainya. Perkara ini terjadi disebabkan oleh pelbagai faktor yang mempengaruhi remaja sehingga mereka terjebak dengan anasir luar yang akhirnya menjajah pemikiran dan tindakan mereka. Dari sudut disiplin ilmu psikospiritual Islam, pemikiran dan tindakan seseorang itu dipengaruhi oleh spiritualnya yang disebut juga sebagai jiwa. Spiritual yang solid dengan ilmu pengetahuan dan amal soleh mampu menjadi benteng kuat dan menghalang seseorang remaja daripada terjebak dengan perkara yang tidak baik bahkan dapat mendorongnya melahirkan tingkah laku yang positif. Begitu juga sebaliknya, tindakan dan perlakuan yang bermasalah tercetus di kalangan remaja berisiko adalah kerana spiritualnya yang bermasalah. Justeru itu, artikel ini ingin mengenalpasti perspektif psikospiritual Islam terhadap masalah spiritual remaja berisiko. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif melalui penelitian terhadap tinjauan literatur atau kajian kepustakaan terhadap kajian-kajian lepas. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat beberapa masalah spiritual remaja berisiko dari sudut pandang psikospiritual Islam seperti *al-halu'* (keluh kesah), *hubbu al-dunya* (cinta dunia), *basad* dan sebagainya.

**Kata Kunci:** Remaja Berisiko, Masalah Spiritual, Psikospiritual Islam, Jiwa



### **Abstract**

Adolescents at risk are recognized for engaging in behavior that violates laws, regulations, or societal norms, starting from minor offenses such as skipping school, smoking, bullying, and so on, which eventually harm the community and the environment. If not addressed, these behaviors can become habitual and eventually lead to more serious crimes such as robbery, drug abuse, promiscuity, pornography, and so on. This happens due to various factors influencing adolescents, causing them to be influenced by external elements that eventually dominate their thoughts and actions. From the perspective of the psychospiritual discipline of Islam, an individual's thoughts and actions are influenced by their spirituality, also referred to as the soul. A solid spirituality, coupled with knowledge and righteous deeds, can serve as a strong fortress and prevent at-risk adolescents from succumbing to negative influences, even encouraging positive behavior. Conversely, problematic actions and behaviors among at-risk adolescents stem from spiritual issues. Therefore, this article aims to identify the Islamic psychospiritual perspective on the spiritual issues of at-risk adolescents. This study employs a qualitative method through a literature review or literature study of past research. The research findings indicate that there are several spiritual problems among at-risk adolescents from the Islamic psychospiritual perspective, such as al-halu' (complaining), hubbu al-dunya (worldly love), hasad (envy), and so on.

**Keywords: At-Risk Adolescent, Spiritual Problems, Psychospiritual Islam, Soul**

### **PENGENALAN**

Masalah remaja berisiko dilihat semakin berleluasa kini dengan peningkatan kadar jenayah yang semakin membimbangkan. Statistik yang dikumpul setiap tahun menunjukkan bahawa remaja sering dikaitkan dengan masalah sosial. Menurut perangkaan yang dikeluarkan oleh Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) pada tahun 2018, sebanyak 550 kes dadah yang melibatkan remaja berusia antara 13 hingga 18 tahun. Manakala jumlah remaja yang terlibat dadah mengikut jantina pada tahun 2020 memperlihatkan kadar penagih lelaki sebanyak 19 669 kes dan penagih perempuan adalah sebanyak 974 kes. Laporan ini menunjukkan penglibatan remaja yang masih bersekolah semakin meningkat dan mereka berpotensi menjadi penagih tegar pada masa akan datang.

Manusia diciptakan melalui dua elemen iaitu fizikal dan spiritual atau rohani dan jasmani. Islam telah menitikberatkan kedua-dua elemen ini sebagai cabang dalam mencapai kesejahteraan hidup yang mana ia merangkumi kesihatan fizikal, mental, sosial dan spiritual. Kehidupan yang semakin moden kini membawa kepada isu baharu dalam kehidupan manusia, terutama berkaitan dengan kesihatan mental, spiritual atau kejiwaan (Zarrina et al. 2021). Akibat daripada peningkatan dan kemajuan teknologi yang tidak seimbang dengan aspek kerohanian yang sepatutnya melindungi dan mengawal manusia, kehidupan hari ini menjadi semakin rumit dalam menghadapi atau menangan pelbagai masalah sosial. Dari perspektif psikologi, masalah remaja berisiko yang semakin meluas kini berasal daripada kehendak dalaman (spiritual) yang tidak baik, yang mengakibatkan perbuatan dan tingkahlaku yang negatif (Haslinda 2009; Suriani et al. 2018; Syukri et al. 2021). Ini merupakan manifestasi dari kekurangan nilai spiritual yang melanda diri seseorang.

Pengertian spiritual menurut pandangan Islam adalah suatu yang tidak dapat dipisahkan dari segi hakikat dan makna kerana semua penjelasan akan kembali kepada konsep akidah bertuhankan Allah yang Maha Esa. Bensaid et al (2014) berpendapat kecerdasan spiritual terhasil daripada manifestasi iman yang mendalam dan kepercayaan kepada keesaan Allah SWT yang melahirkan pemikiran, emosi dan tindakan yang positif. Al-Ghazali (2000) menyatakan bahawa faktor dalaman yang rapat kaitannya dengan dimensi spiritual mempunyai pengaruh yang lebih besar dalam membentuk tingkah laku seseorang yang menjadi punca kepada permasalahan hari ini. Ini menunjukkan bahawa tingkah laku yang ditonjolkan oleh anggota badan adalah dari kehendak atau arahan hati.

Psikologi Islam sedang mengalami perkembangan yang pesat sehingga telah menarik ramai sarjana dalam bidang agama dan sains sosial untuk memperluaskan lagi khazanah keilmuan psikologi. Jika diteliti, perbincangan dalam ilmu psikologi Islam secara etimologi ialah suatu ilmu yang membahaskan tentang jiwa yang didefinisikan sebagai kajian Islam yang berkaitan dengan aspek-aspek dan perilaku kejiwaan manusia, agar secara sedar ia mampu membentuk kualiti diri yang lebih sempurna bagi memperolehi kebahagiaan di dunia dan akhirat (Mujib & Yusuf 2002). Terma *al-nafs* banyak diguna pakai dalam bidang psikologi Islam kerana, sifat *al-nafs* itu sendiri telah dikaitkan dengan potensi jiwa yang mengarah kepada kebaikan dan keburukan yang memiliki pengaruh yang nyata pada perilaku seseorang (Anas 2006; Husayni 1989).

Oleh hal yang demikian, psikologi Islam telah mengetengahkan satu solusi dalam mengatasi masalah berkaitan jiwa (spiritual) remaja berisiko iaitu melalui pendekatan psikospiritual Islam. Psikospiritual Islam merupakan satu proses merawat kecelaruan jiwa (*nafs*, ruh dan *qalb*), mental (*‘aql*) dan emosi (*‘atf*) serta perilaku moral (akhlak) yang berteraskan sumber dan amalan dalam Islam berasaskan *al-Quran* dan *al-Sunnah*, ilmu pengetahuan yang tidak bercanggah dengan prinsip Syariah serta amalan para salafus saleh demi mencapai kebahagiaan dunia dan akhirat (Norhashimah et al. 2021). Menurutnya lagi, psikospiritual Islam ini menjadi satu disiplin ilmu baharu yang terhasil kesan perkembangan (islamisasi) keilmuan yang bertunjangan kepada bidang tasawuf atau kerohanian dalam agama. Yang mana, gabungan antara ilmu psikologi dan spiritual mula diterima ramai oleh kerana perbincangannya yang menghubungkan aspek fizikal, spiritual, emosi, mental sekaligus aspek jiwa dan rohani yang menjadi penawar secara natural terhadap kemelut spiritual remaja berisiko kini.

## **Metodologi**

Metodologi kajian ini adalah berbentuk kualitatif. Kajian ini menggunakan kaedah analisis kandungan yang melibatkan kajian-kajian lepas. Penganalisan data pula menggunakan kaedah analisis kepustakaan melalui pendekatan deskriptif iaitu mengkaji apakah masalah spiritual golongan remaja berisiko. Perbincangan dan penemuan ini memerlukan kepada sumber-sumber daripada kitab-kitab sarjana Islam, buku akademik, akhbar, majalah, jurnal, artikel, kertas kerja, laporan tahunan, risalah, catatan dan maklumat dari laman web.

## **Definisi Remaja Berisiko**

Menurut Najwa et al (2019) remaja merupakan golongan yang berada pada fasa peralihan dalam lingkungan umur 12 hingga 21 tahun dimana berlakunya perubahan menuju kematangan. Remaja berisiko atau kenakalan remaja (*juvenile delinquency*) adalah perbuatan yang melanggar norma, peraturan dan nilai dalam masyarakat yang dilakukan ketika usia remaja atau ketika transisi zaman kanak-kanak dan dewasa (Burhan 2012). Mereka juga dikatakan tidak berupaya untuk menyesuaikan diri atau menerima perubahan ketika berada pada fasa peralihan dan kesan daripada tekanan yang dialami tersebut telah menyebabkan ketegangan emosi, menunjukkan sifat yang agresif, mudah memberontak, marah yang tidak dapat dikawal serta terlibat dengan masalah sosial (Fazira & Azyyati 2015).

Menurut Azyyati, Fazira dan Salasiah (2013) remaja berisiko ialah mereka yang mempunyai ciri-ciri tingkah laku yang negatif serta terlibat dengan pelbagai jenis salah laku yang bertentangan dan menyimpang dengan nilai serta norma yang dipersetujui oleh masyarakat. Manakala menurut Fazira dan Azyyati (2015) dalam kajiannya yang lain, beliau mengatakan remaja berisiko ialah mereka yang tidak berupaya untuk menyesuaikan atau menerima perubahan dari aspek psikologi, biologi dan sosial ketika berada pada fasa peralihan dan kesan dari tekanan tersebut serta ketegangan emosi, remaja telah menunjukkan sifat yang agresif, mudah memberontak, marah yang tidak dapat dikawal dan terlibat dengan gejala sosial.

Antara bentuk-bentuk tingkah laku remaja berisiko adalah bermula dengan kesalahan ringan seperti melanggar peraturan sekolah, ponteng sekolah, menghisap rokok, buli, gengsterisme dan berakhir dengan kesalahan berat seperti penyalahgunaan dadah, menghidu gam, melakukan seks bebas, menonton video atau filem lucah, mengunjung pusat hiburan/ kelab



malam, merosakkan harta benda (vandalisme), lumba haram atau samseng jalanan, berjudi, mencuri, pecah rumah, meragut, memeras ugut, mengancam, memukul dan mencabul kehormatan (Noor Amila et al. 2017; Intan & Nabilah 2018; Diyana & Berhanundin 2018).

Justeru itu, Khairil, Khaidzir dan Wahyuni (2018) telah mengkaji indeks mental-kognitif Islam remaja berisiko yang mendapati mental-kognitif remaja berisiko adalah rendah. Menurut mereka aktiviti jenayah akan terus berlaku dalam kalangan remaja selagi arus mental-kognitif Islam tidak ditingkatkan. Hal ini kerana, rendahnya arus mental-kognitif remaja Islam membawa makna yang signifikan tentang pemahaman Islam yang syumul dalam kalangan remaja yang sangat kritikal. Ini membuktikan bahawa pegangan agama yang kuat merupakan aspek penting yang mempengaruhi atau memberi kesan kepada sikap dan tingkah laku manusia terutama kalangan remaja.

Remaja berisiko kebanyakannya berperilaku sedemikian adalah disebabkan beberapa faktor yang mendorong serta berpunca daripada kehendak dalaman (spiritual) yang tidak baik yang mengarah kepada perbuatan dan tingkah laku yang negatif (Syukri et al, 2020). Penyakit spiritual tidak boleh dirawat menggunakan ubat, kekerasan dan kekuasaan tetapi harus dirawat melalui bimbingan rohani. Oleh itu, pendekatan kerohanian yang dianjurkan oleh Islam dilihat sesuai untuk mengembalikan manusia kepada fitrahnya yang asal.

### **Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Remaja Berisiko**

Berdasarkan bukti empirikal, faktor berisiko menunjukkan kemungkinan seseorang individu terlibat dengan salah laku yang bertentangan dengan norma masyarakat. Faktor-faktor tersebut terbagi kepada dua iaitu faktor dalaman dan faktor luaran.

Faktor dalaman terdiri daripada kelemahan iman dan kurang penghayatan agama, diri sendiri dan tekanan emosi. Islam diturunkan sebagai panduan yang akan membimbing manusia agar berada dalam kehidupan yang berlandaskan syariat. Pemahaman dan penghayatan yang mendalam terhadap pendidikan agama amat penting sebagai benteng yang mampu mencegah segala ancaman pengaruh luaran serta pemikiran yang menyebabkan remaja terjebak dengan masalah sosial (Ismail et al. 2011). Kurangnya amalan kerohanian dan kelompongan dalam ibadah seperti solat lima waktu juga membuktikan penglibatan remaja dalam tingkah laku berisiko (Zainuddin & Norazmah 2011).

Faktor diri sendiri pula melibatkan perasaan dalaman remaja yang ingin mencuba sesuatu yang baharu dan inginkan kebebasan. Banyak peristiwa baharu ketika melalui zaman remaja telah menyebabkan mereka tertarik untuk mencuba sesuatu tersebut disebabkan perasaan ingin tahu yang tinggi dalam diri mereka (Abshaatiah & Mohd Isa 2019). Remaja juga tidak suka dikongkong yang mendorong mereka untuk bebas dalam membuat keputusan sehingga tanpa disedari telah terdedah dengan perilaku berisiko (Jacob 1974).

Faktor dalaman terakhir dapat dilihat daripada tekanan emosi yang melanda remaja. Yang mana, pada usia remaja mereka sedang mengami perkembangan emosi dan menyebabkan mereka terdedah dengan pelbagai emosi seperti marah, kecewa, sedih, takut dan sebagainya yang turut memberi kesan kepada perbuatan diluar kawalan (Suzana 2002). Tekanan emosi boleh berlaku berpunca daripada latar belakang status sosioekonomi (SES) rendah yang mempunyai keluarga yang tidak berfungsi, tidak mempunyai sokongan yang bertindak sebagai faktor pelindung seperti ibu bapa, sekolah, masyarakat, dan agama yang menjadi asas utama dalam perubahan tingkah laku dan cara berfikir seseorang (Azyyati et al. 2013).

Seterusnya, faktor luaran yang mendorong berlakunya masalah remaja berisiko ialah rakan sebaya, media massa, pengaruh ibu bapa dan persekitaran. Pengaruh rakan sebaya dilihat mempunyai hubungan yang sangat kuat pertaliannya dengan remaja kerana tidak terdapat perbezaan yang ketara dari segi usia dan minat yang memudahkan mereka bergaul antara satu sama lain (Amila 2018; Jumatawon et al. 2018). Selain itu, pengaruh rakan juga dapat dilihat apabila mereka lebih cenderung untuk mengambil risiko secara berkumpulan berbanding bersendirian di samping menjadi tempat untuk meluahkan masalah yang dihadapi (Alice & Yim-Wah 2013).

Pengaruh media massa pula menjadi tarikan utama yang sangat memberi kesan kepada golongan remaja kerana pada usia tersebut mereka mudah dipengaruhi dengan apa yang dilihat

kerana sedang mencari identiti diri (Galih & Nurliana 2020). Kemudahan yang disalurkan melalui internet, telefon bimbit, media sosial seperti Facebook, Instagram dan lain-lain secara tidak langsung telah memaparkan agenda dan unsur negatif seperti tidak memelihara batas aurat, pergaulan bebas dan sebagainya yang boleh menyumbang kepada masalah pergaulan bebas, pornografi, hamil luar nikah dan lain-lain (Nurzatil et al. 2022).

Di samping itu, ibu bapa memainkan peranan penting dalam pembentukan sahsiah, sikap, personaliti dan akhlak anak-anak kerana mereka merupakan guru pertama yang mengajar anak-anak. Menurut Zainuddin dan Norazmah (2011) ibu bapa yang sentiasa sibuk bekerja, jarang berada di rumah dan sering bertengkar mempunyai kebarangkalian untuk menyebabkan remaja terjebak dengan masalah sosial kerana kurang pengawasan daripada ibu bapa. Ibu bapa yang gagal memantau kegiatan anak-anak akhirnya akan menyebabkan mereka bebas melakukan apa sahaja tindakan yang menyimpang dan bertindak di luar batas syariat (Syazwana et al. 2019).

Seterusnya, pengaruh persekitaran dapat dilihat melalui persekitaran sekolah kerana usia remaja mereka banyak menghabiskan masa di sekolah berbanding di rumah (Nurzatil 2022). Antara permasalahan persekitaran sekolah yang menyebabkan remaja terdedah dengan tingkah laku berisiko adalah sikap guru yang hanya memberi tumpuan kepada sesetengah pelajar yang lebih cerdas, suasana pembelajaran yang membosankan, ketegasan guru disiplin ketika mengenakan tindakan disiplin dan perasaan bosan ketika berada di sekolah kerana peraturan ketat (Zainuddin & Norazmah 2011). Yang mana, faktor-faktor tersebut menyebabkan remaja hilang tumpuan untuk belajar dan memberontak apabila berada di sekolah yang menyebabkan mereka bertindak di luar kawalan.

Oleh hal yang demikian, faktor-faktor dalaman dan luaran remaja berisiko ini memberi kesan langsung kepada pembentukan tingkah laku remaja. Faktor persekitaran sebenarnya telah merangkumi pengaruh luaran seperti rakan sebaya, ibu bapa dan media sosial. Yang mana faktor tersebut telah memberi kesan dalam diri remaja di samping faktor dalaman yang seharusnya menjadi penguat dan pendorong bagi remaja agar tidak terjebak dengan masalah sosial. Oleh itu, pentingnya pemahaman dan penghayatan yang mendalam dalam aspek agama agar kesemua faktor-faktor ini dapat diatasi oleh remaja masa kini.

### **Masalah Spiritual Remaja Berisiko**

Secara umumnya, definisi spiritual ialah merangkumi semua aspek kehidupan sama ada keimanan, hubungan sesama manusia, manusia dengan alam, pengurusan diri dan lain-lain yang berkaitan dengan asas kehidupan yang mempunyai hubungkait yang sangat rapat dengan jiwa dan hati (Malik, 2018). Menurut Sharifah et al (2022), hati manusia selalu dipengaruhi oleh faktor kebaikan dan kemaksiatan. Disebabkan itu, hati dan jiwa yang tidak tenteram akan lebih mudah diserap dengan unsur-unsur negatif seperti tingkah laku berisiko seperti melanggar undang-undang atau melakukan perbuatan yang bertentangan dengan norma masyarakat dan sebagainya (Nazneen & NoorIkhwani, 2015). Hanafi (1998) berpendapat penyakit rohani merupakan satu gangguan atau masalah kejiwaan ke atas perasaan seseorang yang dapat dikesan melalui rasa sedih, pilu, muram, cemas, gelisah dan jiwa tidak tenteram serta merasa dirinya tidak mampu untuk mengatasi permasalahan yang dihadapi.

Menurut Zarrina (2001) dan Basirah (2017) dalam kajiannya menyatakan penyakit rohani merujuk kepada terma al-halu'. Secara umumnya, al-halu' merupakan perasaan keluh kesah atau kebimbangan yang muncul apabila berlaku situasi atau keadaan yang tidak menyenangkan hati contohnya kedekut apabila mendapat nikmat atau ganjaran dan keluh kesah apabila ditimpa ujian. Di dalam al-Quran al-halu' disebut sebagai seseorang yang tidak bersyukur dan tidak berpuas hati dengan kurnian terhadap dirinya. Seterusnya dalam kajian lain Basirah et al (2022) beliau menyamakan penyakit al-halu' sebagai keresahan spiritual. Yang mana keresahan spiritual terjadi berpunca daripada sifat dan keadaan hati yang mengikut hawa nafsu dan tidak tenang yang selalu tidak berpuas hati dengan keadaan diri, berfikiran negatif, lompong dalam melaksanakan ibadah zahir serta menzahirkan perilaku yang negatif.

Tambahan lagi, tanda-tanda atau simptom keresahan spiritual boleh dilihat melalui gangguan pada emosi seseorang yang turut dibincang oleh Basirah et al (2022). Yang mana

simptom tersebut boleh didapati pada seseorang yang mengalami keresahan atau kebimbangan dan tekanan perasaan sehingga menyebabkan cepat marah dalam apa jua keadaan dan situasi, kerap menangis dan sentiasa bersedih, ketakutan dan kerisauan yang melampau. Mereka yang berada pada situasi ini akan menimbulkan persoalan berkenaan erti penderitaan dan masalah yang dihadapi, hilang kawalan terhadap diri sendiri, menunjukkan ketakutan dan tidak dapat menerima apa yang menimpa dirinya. Keadaan ini akan mendorong segala aktiviti harian mereka dengan emosi dan perasaan yang negatif.

Menurut Al-Zarrad (1997) beliau berpendapat penyakit spiritual merujuk kepada kelemahan iman, kehidupan yang jauh dari agama, lemah ukuran nilai akhlak dan agama, tidak melaksanakan dan melakukan amal ibadah, lemah dalam kawalan hawa nafsu, menyekutukan Allah, melakukan kemaksiatan, berfikiran bebas yang tidak mempercayai keesaan Allah, tidak dapat membezakan nilai kebaikan dan keburukan seperti hak dan batil, halal dan haram (Azyyati, Fazira & Salasiah, 2013). Yang mana kesemua yang tersebut telah menyebabkan munculnya sifat kebimbangan dalam diri dan menyebabkan jiwa manusia sakit. Hal ini telah menyebabkan manusia sukar untuk dibentuk dan dididik sama ada dari aspek sosial dan pemikiran yang akhirnya telah menyebabkan munculnya tingkah laku yang menyimpang dan menyeleweng.

Manakala, menurut Izzuddin (1994) dalam bukunya “Hati: Kedudukan, Keadaan, Penyakit Dan Pengobatannya” berpendapat bahawa terdapat banyak penyakit hati antaranya jahil, kufur, takut akan celaan dan hinaan, mengikut hawa nafsu, riya’, panjang angan-angan, sombong, bangga diri, hasad dengki, kianat, buruk sangka terhadap Allah SWT, boros dan suka membazir, cinta akan harta benda, malas dan menganggur, keluh kesah, kufur nikmat, bergantung selain daripada Allah SWT, membenci ulama dan orang saleh, putus asa daripada rahmah Allah, lancang terhadap Allah SWT dan merasa selamat dari azabNya, sombong terhadap kebenaran, kemunafikan dan berterusan dalam melakukan kemaksiatan. Abd Jalaluddin (2018) juga turut menyebut beberapa masalah spiritual iaitu khauf (takut), hazn (gelisah), al-hulu’ (sifat tamak), hubbu al-dunya (cinta dunia), hasad (dengki), al-tafakhur (meninggi diri), al-takathur (bermegah-megah).

Masalah-masalah spiritual yang disebutkan di atas telah merangkumi masalah spiritual remaja berisiko. Walaupun tidak dijelaskan secara terperinci bahawa masalah spiritual tersebut terjadi kepada remaja berisiko akan tetapi disebabkan manusia dibekalkan oleh Allah SWT unsur spiritual, ini membuktikan bahawa setiap manusia mempunyai potensi untuk mempunyai penyakit spiritual tersebut. Ini kerana, hati (spiritual) mempunyai hubungan yang sangat rapat dengan anggota badan, malah setiap sifat yang terlahir dari hati akan terserlah kesannya pada anggota badan. Al-Ghazali (2000) menyatakan bahawa setiap tingkah laku sama ada baik atau buruk terdapat dan tergerak daripada hati sedangkan anggota badan hanya melaksanakan arahan selaras dengan fungsinya sebagai pelaksana tingkah laku.

### **Masalah Spiritual Remaja Berisiko Dari Sudut Pandang Psikospiritual Islam**

Psikospiritual merupakan terapi yang mengintegrasikan unsur psikologi dan kerohanian yang diertikan sebagai satu kaedah perawatan kejiwaan dan kerohanian yang berteraskan sumber-sumber ketuhanan dan amalan dalam Islam yang tidak bercanggah dengan prinsip Islam (Norhashimah et al. 2021). Psikospiritual merupakan bidang ilmu dalam Islam yang berasal dari gabungan psikologi dan spiritual, bersumber dari ilmu tasawuf atau dimensi kerohanian dalam agama. Bidang ini mengaitkan unsur fizikal, mental, emosi, dan spiritual, yang mendorong ke arah konteks ibadah kepada Allah SWT (Zarrina 2019). Psikospiritual membuktikan hubungan antara proses mental, pengalaman, dan sikap manusia dengan ilmu metafizik dan psikologi.

Dalam konteks keilmuan Islam, perbincangan psikospiritual juga menyoroti konsep pengabdian dan penyerahan diri kepada Allah SWT. Tujuannya adalah merawat dimensi kejiwaan dan kerohanian berdasarkan sumber ketuhanan, yang mampu melahirkan kestabilan diri dan jiwa manusia (Othman 2014). Dengan demikian, psikospiritual Islam didefinisikan sebagai suatu konsep dan kaedah dalam merawat jiwa, spiritual, mental, emosi, dan perilaku moral. Terapi psikospiritual Islam dilihat mampu memberi penyembuhan kepada konflik kejiwaan, emosi dan pemikiran manusia yang boleh memberi kesan kepada tingkah laku seseorang. Hal ini dapat

dibuktikan melalui kajian-kajian lepas yang menggunakan kaedah psikospiritual dalam menyelesaikan masalah remaja berisiko, yang mendapati kesan positif terhadap anak bina mereka dalam aspek perubahan tingkah laku (Mohd Syukri et al. 2022; Intan & Nabilah 2018; Buerah et al 2015; Ahmad A'toa' & Mardiana 202; Rosni Wazir et al. 2020).

Dari perspektif psikospiritual Islam, kebanyakan masalah yang dihadapi oleh manusia, terutama remaja berisiko, berasal dari hati atau dimensi spiritual. Masalah-masalah seperti buli, judi, samun, penyalahgunaan dadah, rogol, vandalisme, dan seks bebas adalah berpunca daripada sifat-sifat negatif seperti marah, tidak sabar, cintakan harta, mengikut hawa nafsu, dan sebagainya (Salasiah 2016). Walaupun tidak dapat dinafikan bahawa faktor luaran seperti rakan sebaya, media massa, ibu bapa dan persekitaran turut menjadi punca wujudnya masalah remaja berisiko namun, menurut al-Ghazali (2000) menyatakan faktor dalaman yang berkait rapat dengan spiritual adalah lebih berpengaruh dalam membentuk tingkah laku seseorang serta menjadi punca kepada permasalahan hari ini.

Sehubungan dengan itu, 'Abdullah Nasih Ulwan (1993) sependapat dengan pandangan al-Ghazali yang menyatakan bahawa tingkah laku manusia sama ada baik atau buruk merupakan pilihan manusia itu sendiri kerana Allah SWT telah mengurniakan akal fikiran dan fitrah suci yang dapat membantu manusia membuat keputusan bagi melahirkan sesuatu tindakan. Allah SWT memberikan kebebasan sepenuhnya kepada manusia untuk memilih jalan antara kebaikan atau kejahatan seperti yang termaktub dalam firman Allah SWT:

إِنَّا هَدَيْنَاهُ السَّبِيلَ إِمَّا شَاكِرًا وَإِمَّا كَفُورًا

Maksudnya: Sesungguhnya kami telah menunjukkan kepadanya (melalui akal dan Rasul) akan jalan-jalan (yang benar dan yang salah; maka terserahlah kepadanya) sama ada ia bersyukur (dengan beriman dan taat) ataupun ia berlaku kufur (dengan mengingkari kebenaran atau menderhaka).

(Surah al-Insan: 3)

Allah SWT dalam firman yang lain menegaskan bahawa Dia telah membekalkan manusia dengan akal fikiran dan fitrah yang suci untuk membuat keputusan dengan bijaksana ketika hendak membuat pilihan antara kebaikan dan keburukan iaitu dalam Surah al-An'am ayat 23:

وَمَا الْحَيَاةُ الدُّنْيَا إِلَّا لَعِبٌ وَلَهْوٌ وَلَلدَّارُ الْآخِرَةُ خَيْرٌ لِلَّذِينَ يَتَّقُونَ أَفَلَا تَعْقِلُونَ

Maksudnya:

Dan tidak (dinamakan) kehidupan dunia melainkan permainan yang sia-sia dan hiburan yang melalaikan, dan demi sesungguhnya negeri akhirat itu lebih baik bagi orang-orang yang bertakwa. Oleh itu, tidakkah kamu mahu berfikir.?

(Surah al-An'am: 32)

Manusia tidak hanya dilengkapi dengan akal fikiran dan fitrah sebagai panduan kepada jalan yang benar, tetapi Allah SWT juga menurunkan al-Quran sebagai petunjuk untuk membimbing manusia menjalani kehidupan dunia dengan sebaik-baiknya. Walaupun manusia telah diberikan segala yang diperlukan, jika seseorang memilih untuk melakukan kejahatan, itu adalah pilihan mereka sendiri yang tidak mampu menahan godaan hawa nafsu yang mendorong mereka melakukan kerosakan dan kejahatan di muka bumi (Salasiah 2016). Oleh itu, jelaslah bahawa masalah dan tingkah laku buruk yang wujud pada hari ini merupakan hasil daripada kehendak manusia yang mengikut kemahuan hati dan nafsu. Oleh sebab itu, dalam ilmu psikologi Islam, penekanan diberikan kepada membimbing hati dan nafsu ke arah yang diredai oleh Allah SWT dengan memberikan fokus kepada aspek spiritual yang lebih serius berbanding dengan aspek-aspek lain.

Dalam pada itu, David Benner, tokoh sarjana Barat telah mengetengahkan model psikospiritual yang menjurus kepada roh manusia dengan tidak mengasingkan aspek psikologi (akal) dan spiritual (roh dan nafsu) sebagai unsur dalaman yang membentuk personaliti seorang manusia (Intan & Nabilah 2018). Oleh yang demikian, psikospiritual Islam merupakan tapak asas



kepada metode rawatan psikoterapi Islam dalam memulihkan dan merawat spiritual seorang Muslim. Metode yang berasaskan kepada pendekatan tazkiyyah al-nafs seperti yang disarankan oleh al-Ghazali merangkumi dua proses iaitu mujahadah al-nafs (membuang segala sifat keji yang bertapak dalam hati) dan riyadah al-nafs (mengisi hati dengan sifat terpuji) disamping melakukan amal kebaikan (Salasiah, 2010).

Menurut al-Ghazali kaedah utama bagi merawat semua penyakit hati ialah menerusi mujahadah al-nafs dan mengingati mati. Menurut beliau, mujahadah al-nafs mesti diaplikasikan ke atas semua penyakit hati kerana ia dilakukan dengan kaedah yang berlawanan atau bertentangan dengan penyakit hati tersebut. Contohnya, marah dirawat dengan sifat sabar, sombong dirawat dengan sifat tawadu', benci dirawat dengan sifat pemaaf dan sebagainya. Selain itu, mengingati mati juga dijadikan salah satu kaedah dalam mujahadah al-nafs kerana ia boleh membantu seseorang mempertingkatkan keimanan mereka di samping membuang segala sifat tercela. Orang yang mengingati kematian juga akan lahir perasaan takut dalam diri sehingga bersegera melakukan taubat di samping memikirkan bekalan yang akan dibawa di akhirat kelak sehingga mendorongnya memperbanyakkan amalan kebajikan dan kurang keinginan terhadap keseronokan dunia. (al-Ghazali 1995; al-Ghazali 2000).

Langkah seterusnya ialah menghiasi jiwa yang telah bersih dari sifat buruk itu dengan sifat-sifat yang baik menerusi kaedah riyadah al-nafs. Al-Ghazali menerangkan kaedah bagi mengatasi masalah yang berpunca daripada spiritual adalah dengan menggunakan pendekatan spiritual seperti memantapkan keimanan, mempertingkatkan ibadah serta mengaplikasikan sifat-sifat mahmudah dalam jiwa. Keimanan merupakan suatu perkara penting dalam kehidupan manusia yang boleh memberikan kesan positif kepada kesihatan jiwa. Proses memantapkan keimanan ini turut melibatkan usaha memperkukuhkan keyakinan terhadap enam rukun iman iaitu keimanan kepada Allah, malaikat, rasul, kitab, hari kiamat serta qada dan qadar Allah SWT (al-Ghazali 1994).

Meskipun al-Ghazali tidak menghuraikan secara khusus kaedah memantapkan iman, namun dapat difahami daripada pelbagai tempat perbincangannya bahawa mempertingkatkan keimanan boleh dilakukan mempertingkatkan ibadah seperti mendirikan solat, puasa, zakat, haji, membaca al-Quran, sedekah dan sebagainya. Dalam aspek akhlak pula, beliau menumpukan kaedah mengaplikasikan sifat-sifat mahmudah seperti taubah, sabar, syukur, zuhud, ikhlas, reda dan lain-lain. Sifat-sifat ini dapat dijadikan sebagai elemen menghiasi jiwa (al-tahalli) bagi mencapai tazkiyyah al-nafs daripada segala sifat-sifat buruk yang dikenal pasti sebagai penyebab munculnya masalah dalam kehidupan manusia. Sifat-sifat mahmudah ini jika dihimpunkan dalam jiwa manusia akan terbitlah insan yang sentiasa mendekati dirinya kepada Allah SAW, memiliki keimanan yang kukuh serta berupaya melahirkan tingkah laku dan akhlak yang baik sehingga dapat dijadikan eset dalam kehidupan (Salasiah 2016).

Al-Zahani menyebut kepentingan rawatan dan latihan berasaskan psikospiritual Islam amat berkesan kerana ia mampu memperkuat hati, meneguhkan aspek spiritual dan kerohanian serta mampu mengembalikan pemantapan jiwa seseorang individu (Norhashimah et al, 2021). Kualiti hidup manusia bergantung kepada penekanan terhadap aspek hati sebagai elemen spiritual yang membawa kesan kepada perilaku anggota badan dan tingkah laku serta rupa luaran (Shakirah, 2008). Kesejahteraan spiritual mampu meningkatkan lagi kualiti hidup seseorang bahkan dapat mengurangkan kesan daripada keresahan spiritual yang dihadapi oleh seseorang yang dapat dilihat kesannya melalui kehidupan manusia yang lebih terarah kepada Allah SWT dengan melakukan kebaikan dan meninggalkan segala laranganNya. Konsep kesihatan jiwa yang baik serta pencapaian kebahagiaan yang ditumpukan dalam bidang ilmu ini menyebabkan wujudnya hubungan yang erat dengan ilmu kerohanian Islam sebagai disiplin ilmu tasawuf (Shahidah et al. 2021).

## KESIMPULAN

Secara keseluruhan, masalah spiritual remaja berisiko merupakan faktor terbesar yang mendorong kepada berlakunya masalah sosial hari ini. Rata-rata pengkaji terdahulu telah membincangkan bahawa masalah spiritual memberi kesan kepada tingkah laku manusia. Psikospiritual Islam dilihat sebagai satu kaedah rawatan yang berkesan dalam menyelesaikan segala permasalahan dalam kehidupan manusia termasuk permasalahan jiwa dan spiritual. Implementasi kaedah psikospiritual Islam yang mencadangkan proses Tazkiyah al-Nafs mampu mendidik jiwa seorang individu agar sentiasa bermujahadah membersihkan jiwa daripada sifat keji kepada sifat baik agar dapat melahirkan peribadi yang luhur yang diterjemahkan melalui tingkah laku yang baik. Kaedah ini mempunyai kekuatan spiritual yang dapat meningkatkan perasaan kesungguhan dan keyakinan serta kepercayaan kepada diri untuk kembali kepada jalan yang benar daripada terjebak dengan perilaku berisiko. Justeru itu, dengan pengaplikasian kaedah psikospiritual Islam ia mampu menghasilkan ketenangan rohani dalam jiwa serta mampu memberikan kesejahteraan fizikal yang boleh melahirkan kebahagiaan dalam kehidupan.

## Rujukan

- Abdul Halim, N.M. 2018. Pendekatan Psikologi Dakwah Dalam Menangani Remaja Berisiko Di Sekolah Tunas Bakti Teluk Air Tawar Butterworth Pulau Pinang. Tesis Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdul Mujib & Yusuf Mudzakir. 2002. Nuansa-Nuansa Psikologi Islam. Jakarta PT Raja Grafindo Persada.
- Abdullah, H. 2009. Belia Dan Pembangunan Modal Insan. Dalam Haslinda Abdullah, Turiman Suandi, Abd. Halim Sidek, Sarjit S. Gill, Nobaya Ahmad Dan Dzuhailmi Dahalan. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Abu Bakar, S., Azizan, N.I., Ismail, N., & Dimon, Z. 2020. Kaedah Al-Quran Dalam Menangani Masalah Sosial: Kajian Di Pusat Perlindungan Majlis Agama Islam Selangor (Mais). Jurnal Pengajian Islam, 10 (1): 57-77.
- Ahmad Basir, N. 2022. Amalan Spiritual Dan Perubahan Emosi Wanita Hamil Luar Nikah Di Pusat Perlindungan Baitus Solehah Johor. Tesis Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Al-Bayanuniy, A.I. 1994. Hati: Kedudukan, Keadaan, Penyakit Dan Pengobatannya. Perpustakaan Tun Sri Lanang. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Al-Ghazali, A. H. M. 1994. *Majmu'ah Rasa'ilal-Imam Al-Ghazali*. Lubnan: Dar Al-Kutub Al-Ilmiah.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad Ibn Muhammad. 1995. Terj. Mohammad Luqman Hakiem. Raudhah: Teman Jiwa Kaum Sufi. Surabaya: Risalah Gusti.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad Ibn Muhammad. 2000. *Ihya' Ulum Al-Din*. Kaherah: Dar Al-Taqwa Li Al-Turath.
- Anas Ahmad Karzon. 2006. *Tazkiyah Al-Nafs*. Beirut: Dar Ibn Hazm.
- Anwar, K., Ismail, K. H., & Wahyuni, S. 2019. Indeks Mental-Kognitif Islam Remaja Berisiko: Satu Kajian Pendekatan Psikoreligio Keluarga Islam Di Malaysia. Psikoislamedia: Jurnal Psikologi, 3(2), 213-227.
- Ashaari, N. N. S. B. H., Sumadi, S. N., Salleh, N. A., Ismail, N. I., Adenan, N. A. H., & Husin, M. R. 2019. Masalah Pergaulan Bebas Dalam Kalangan Remaja Sekolah. International Journal Of Humanities, Management And Social Science (IJ-Humass), 2(1), 38-50.
- Aziz, S., Nen, S., Hoesni, S. M., & Manap, J. 2020. Tingkah Laku Devian Dalam Kalangan Remaja Di Semenanjung Malaysia Berdasarkan Faktor Pemantauan Ibu Bapa, Komunikasi Ibu Bapa Dan Religiositi. Jurnal Sains Sosial: Malaysian Journal Of Social Sciences, 4(1), 93-101.
- Azizan, N. I., Abd Majid, M., Mohamad, N., Usman, A. H., Haridi, N. H. M., Ismail, Z., & Rahman, A. H. A. 2022. Faktor Penglibatan Salah Laku Delinkuen Dalam Kalangan Remaja: Kajian Di Pusat Pemulihan. E-Jurnal Penyelidikan Dan Inovasi, 9(2): 59-74.
- Bakar, A. A. A., & Hamzah, M. I. 2019. Faktor Keterlibatan Remaja Dengan Masalah Sosial. Jurnal Hadhari, 11(1), 1-17. 32738-102539-1-PB.Pdf (Ukm.My)
- Bensaid, B., Machouche, S. B. T., & Grine, F. 2014. A Qur'anic Framework For Spiritual Intelligence. Religions, 5(1), 179-198.
- Che Zarrina Sa'ari. 2019. Psikospiritual Islam: Konsep Dan Aplikasi. Journal Of Syarie Counseling, 1(1), 43-51.
- Chik, H., Sa'ari, C. Z., & Chin, L. E. 2017. Peranan Spiritual Dalam Rawatan Paliatif: The Role Of Spirituality In Palliative Care. Afkar: Jurnal Akidah & Pemikiran Islam, 19(2), 107-142.
- Dewan Bahasa Dan Pustaka. 2015. Kamus Dewan Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Haidar, G., & Apsari, N. C. 2020. Pornografi Pada Kalangan Remaja. Prosiding Penelitian Dan Pengabdian Kepada Masyarakat, 7(1), 136.
- Hamjah, S. H. 2010. Bimbingan Spiritual Menurut Al-Ghazali Dan Hubungannya Dengan Keberkesanan Kaunseling: Satu Kajian Di Pusat Kaunseling Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (PK MAINS). Islamiyyat, 32, 41-46.
- Ibn Sina. 2009. *Abwal An-Nafs: Risalah Fi Nafs Wa Baqa'ih Wa Ma'adiba*. Psikologi Ibn Sina. (Terj.). Bandung: Pustaka Hidayah.

- Ibrahim, F., Sarnon, N., Alavi, K., Mohamad, M. S., Akhir, N. M., & Nen, S. 2012. Memperkasakan Pengetahuan Agama Dalam Kalangan Remaja Bermasalah Tingkah Laku: Ke Arah Pembentukan Akhlak Remaja Sejahtera. *E-BANGI*, 7(1), 84-93.
- Ismail, M. Y., & Hassan, S. N. S. 2011. Pendekatan Nabawi Dalam Membentuk Remaja Muslim Sejati. *HADIS*, 2(2): 31-46.
- Ismail, N. H., Halifah, D. N. A. A., & Makhsin, M. 2022. Faktor Masalah Sosial Dalam Kalangan Pelajar. *International Journal Of Educations, Psychology And Counselling*, 7 (46): 674-685.
- Ismail, N., & Mohd Noorikhwan Sarbini, M.N. 2015. Peranan Uzlah Dalam Merawat Penyakit Rohani Muslim. *E-Jurnal Penyelidikan Dan Inovasi*, 2 (1): 30-43.
- Jaafar, J.L.S. 2002. Psikologi Remaja. Selangor: Prentice Hall Pearson Malaysia Sdn. Bhd.
- Jacob, T. (1974). Patterns Of Family Conflict And Dominance As A Function Of Child Age And Social Class. *Developmental Psychology*, 10(1), 1-12.
- Jalaluddin, A. 2018. Ketenangan Jiwa Menurut Fakhr Al-Dīn Al-Rāzī Dalam Tafsīr Mafātih Al-Ghayb. *Al-Bayan: Jurnal Studi Ilmu Al-Qur'an Dan Tafsir*, 3(1).
- Kamaruddin, N.Y. 2013. Pengaruh Kecerdasan Emosi Dan Kecerdasan Spiritual Ke Atas Salah Laku Remaja Sekolah. Tesis Master. Universiti Teknologi Malaysia.
- Kellehear, A. 2000. Spirituality And Palliative Care: A Model Of Needs. *Palliative Medicine*, 14(2), 149-155.
- Loke, A. Y., & Mak, Y. W. 2013. Family Process And Peer Influences On Substance Use By Adolescents. *International Journal Of Environmental Research And Public Health*, 10(9), 3868-3885.
- Mat Akhir, N.S. 2008. Al Ghazali And His Theory Of The Soul. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Mohamed, H. 1998. Penyakit Rohani Dan Rawatannya Dalam Islam. Kuala Lumpur: Pustaka Haji Abdul Majid.
- Mohd Jailani, M.R., & Osman, A.B. 2015. Bab 11 Integrasi Terapi Psikospiritual Islam Dalam Modul Rawatan Dan Rehabilitasi Berasaskan Tc (Therapeutic Community). *Proceeding Prevent 2015 (International Drug Prevention And Rehabilitation Conference)*, 12 Januari 2018. Acreda, Universiti Sains Islam Malaysia.
- Mohd Shahril Othman. 2014. Isu-Isu Kontemporari Dalam Psikospiritual Islam. Cetakan Pertama. Selangor: Univision Press SDN BHD.
- Mohd Zahid, E. S. 2019. Pembangunan Spiritual: Konsep Dan Pendekatan Dari Perspektif Islam. *E-Journal Of Islamic Thought And Understanding (E-JITU)*, 2, 64-87.
- Mohsin, S. B. S., Binti Sa'ari, C. Z., Chik, H., & Zainuddin, S. I. 2022. Muḥāsabah Al-Nafs (Self-Reflection) Dalam Menangani Keresahan Spiritual (Spiritual Distress) Self-Reflection (Muḥāsabah Al-Nafs) In Dealing With Spiritual Distress. *Jurnal Usuluddin*, 50(1), 43-72.
- Mohsin, S. B.S. 2017. *Kepulihan Al-Halu' Berasaskan Maqamat Abu Talib Al-Makki (W.386h)*. Tesis Doktor Falsafah (Phd): Universiti Malaya.
- Muhammad Husayni Abu Sa'adah. 1989. *Al-Nafs Wa Khuluduba 'Ind Fakhr Al-Din Al-Razi*. Kaherah: *Sbarikah Al-Safa Li Al-Taba'ah Wa Al-Tarjumah Wa Al-Nashr*.
- Mustafa, M. N., Suandi, T., Hamzah, A. H., & Ismail, M. D. I. A. 2016. Fenomena Delinkuen Dalam Kalangan Remaja Yang Berisiko Di Sebuah Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Di Luar Bandar Malaysia. *Jurnal Kemanusiaan*, 14(2).
- Nazim, A. M. 2015. Pendekatan Psikologi Dakwah Dalam Menangani Remaja Berisiko: Fokus Pendekatan Bimbingan Jiwa. *Jurnal Hadhari*, 7(2), 63-73.
- Nazim, A. M. 2017. Faktor Penyimpangan Dalam Kalangan Remaja Berisiko Dari Perspektif Islam. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*, 15(1), 1-18.
- Nazim, A. M., Shama, F., & Hamjah, S. H. 2013. Ciri-Ciri Remaja Berisiko: Kajian Literatur. *Islamiyyat: International Journal Of Islamic Studies*, 35(1).
- Noor Zainan, N. I., Ismail, M. K. A., & Mat Jusoh, N. A. 2021. Impak Media Sosial Terhadap Keruntuhan Akhlak Dalam Kalangan Pelajar: Satu Tinjauan Awal. *Proceedings Of International Conference On Language, Education, Humanities & Social Sciences (I-Ledhs2021)*.
- Rizal, S., Ishak, H., & Amran, N.N. 2017. Hubungan Antara Amalan Ibu Bapa Dengan Tingkah Laku Remaja. *Proceedings Of The International Conference On Islam, Development And Social Harmony In Southeast Asia 2017*.
- Sa'ari, C. Z., & Muhsin, S. B. S. 2012. Cadangan Model Psikoterapi Remaja Islam Berasaskan Konsep Tazkiyah Al-Nafs. *Jurnal Usuluddin*, 36, 49-74.
- Salasiah Hanin Hamjah. 2016. Pendekatan Kaunseling Spiritual Menurut Al-Ghazali. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Saparudin, I. F., & Soh, S. N. C. 2018. Elemen Psiko-Spiritual Dalam Menangani Delinkuensi Remaja. *Human Sustainability Procedia*.
- Sarbini, M.N. 2013. Terapi Jiwa Menurut Imam Ibn 'Ata' Allah Al-Sakandari. Latihan Ilmiah Sarjana Muda Usuluddin Dan Falsafah. Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Shahrudin, N. J., Mansor, M., Madon, Z., & Hamsan, H. H. 2018. Hubungan Pengaruh Rakan Sebaya, Estim Diri Dan Lokus Kawalan Dengan Sikap Terhadap Tingkah Laku Seksual. *Akademika*, 88(2), 81-94.
- Sharif, Z., & Mohamad Roslan, N. 2011. Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Remaja Terlibat Dalam Masalah Sosial Di Sekolah Tunas Bakti, Sungai Lereh, Melaka. *Journal Of Education Psychology & Counseling*, 1(7), 115-140.
- Sodiq, B. 2012. *Jom! Jadi Remaja Soleh*. Kuala Lumpur: Jundi Resources.

- Sudi, S., Sham, F. M., & Yama, P. 2018. Pembentukan Spiritual Menurut Islam Sebagai Solusi Dalam Menangani Permasalahan Sosial: Spiritual Development According To Islam As A Solution In Dealing With Social Problems. *The Sultan Alauddin Sulaiman Shah Journal (JSASS)*, 5(2), 269-278.
- Yahya, N., Omar, S. H. S., Yusoff, S. H. M., Ismail, M. S., Zain, A. D. M., Rozali, M. H., & Mamat, A. 2021. Elemen Kesufian Menurut Al Muhasibi Dan Hubungannya Dengan Psikospiritual Dalam Menangani Tekanan Akibat Pandemi Covid 19. *Global Journal Of Educational Research And Management*, 1(3), 186-192.